



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN  
PEGAWAI KONTRAK PESURUHJAYA (CONTRACT OF COMMISSIONER) DI  
PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI,  
KEMENTERIAN DIGITAL**

**1. Pemandu Kenderaan Gred 11 – 2 kekosongan**

**Syarat-syarat kelayakan:-**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:-
  - i. Sekurang-kurangnya **Penilaian Menengah Rendah** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - ii. Lesen memandu Kelas B2/D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
  - iii. Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
  - iv. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib / tiada rekod jenayah;
  - v. Mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit yang berpanjangan;
  - vi. Boleh bekerja lebih masa bergantung kepada arahan semasa;
  - vii. Berkebolehan menaip menggunakan komputer; dan
  - viii. Mempunyai minimum satu (1) tahun pengalaman dalam bidang pengendalian dan menyenggara kenderaan.

**DESKRIPSI TUGAS:-**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Bertanggungjawab dalam memindah, mengangkut, mengalih dan menyusun apa juga jenis beban seperti peralatan, beg, mesin dan lain-lain dari kenderaan ke lokasi yang ditugaskan.

**KEMUDAHAN :**

|               |   |                  |
|---------------|---|------------------|
| Gaji Minimum  | : | RM 1,218.00      |
| Gaji Maksimum | : | RM 2,939.00      |
| Caruman       | : | KWSP dan PERKESO |

**ELAUN :**

|                            |   |           |
|----------------------------|---|-----------|
| Imbuhan Tetap Perumahan    | : | RM 300.00 |
| Bantuan Sara Hidup/COLA    | : | RM 300.00 |
| Imbuhan Tetap Khidmat Awam | : | RM 95.00  |

**KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM80.00****CARA MEMOHON:**

- a) Calon yang berminat untuk memohon jawatan tersebut perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:
  - i. Borang Permohonan Jawatan;
  - ii. *Curriculum Vitae / Resume*;
  - iii. Salinan sijil PMR/SPM/STPM/Diploma/Ijazah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; dan
  - iv. Sijil Vaksinasi
  
- b) **Tarikh Tutup Permohonan ialah pada 22 Ogos 2024.**

Semua permohonan yang lengkap diisi beserta dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada:

**Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)  
Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi  
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 PUTRAJAYA**

**ATAU**

Email ke [pengambilan@pdp.gov.my](mailto:pengambilan@pdp.gov.my)

## **TEMU DUGA**

Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap TIDAK BERJAYA sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan. Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

## **KEPUTUSAN**

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

## **PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Cik Siti Noorain binti Md Saad                      Tel     : 03-8911 5168

Puan Norshida binti Sahat                         Tel     : 03-8911 7912

**TARIKH IKLAN DISIARKAN : 14 Ogos 2024 – 22 Ogos 2024**